

12/11/1999

Tiada parti lain boleh tandingi Barisan Nasional

PORT DICKSON, Khamis - Hanya Barisan Nasional (BN) boleh mewujudkan kerajaan baik yang mampu memberikan kesejahteraan kepada semua peringkat rakyat pelbagai kaum di samping menjamin keamanan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tidak ada parti lain yang boleh menandingi BN yang mempunyai kredibiliti untuk membina sebuah negara seperti Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ke-4 anjuran Institut Aminuddin Baki dengan kerjasama Jawatankuasa Pemuafakatan PIBG Nasional, di sini hari ini, beliau berkata:

"Saya yakin rakyat akan membuat pilihan tepat, iaitu memberi mandat dalam pilihan raya kali ini kepada BN menubuhkan kerajaan yang baik.

"Jika itulah yang dilakukan rakyat bertepatanlah dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan pilihan raya diadakan untuk memilih kerajaan yang baik."

Beliau berkata, walaupun ada parti pembangkang, termasuk apa yang dipanggil barisan alternatif untuk menubuhkan kerajaan, ia tidak kesampaian malahan tidak boleh menyaingi atau menandingi kemampuan BN.

Katanya, kumpulan pembangkang itu sebenarnya diibaratkan seperti `langit dengan bumi' dan keadaannya semakin tenat berikutan sentiasa bercanggah dan bertelagah dari segi perjuangan yang jauh berbeza antara satu sama lain.

Jika begitu, katanya bagaimana kumpulan itu bercita-cita hendak mengambil alih pemerintahan daripada kerajaan yang begitu banyak berjasa dan rekod cemerlangnya dalam semua bidang pembangunan, sosial dan ekonomi.

Najib berkata, rakyat jangan terkeliru dengan kumpulan parti pembangkang terbabit kerana di negara ini tidak ada parti alternatif untuk menjadi pilihan terbaik mereka.

"Pengundi janganlah terkeliru dan memikirkkan wujudnya parti alternatif, kecuali BN," katanya sambil menyatakan hanya BN yang boleh memberikan kesinambungan pembangunan.

Mengenai cadangan BN mengemukakan kira-kira 30 peratus muka baru dalam pilihan raya kali ini, Najib berkata ini adalah proses perubahan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan parti.

"Walaupun ia bertujuan memberi peluang kepada barisan pelapis, pemimpin yang berkemampuan serta menunjukkan prestasi cemerlang tidak diketepikan dan terus dikekalkan," katanya.

(END)